

23/09/2000

`Pelarian perang palsu' akan disekat

GEORGETOWN, Jumaat - Kerajaan akan memastikan tiada rakyat Filipina mengambil kesempatan menjadi pelarian perang, semata-mata untuk mendapat perlindungan di negara ini.

Sehubungan itu, pasukan keselamatan diarah melakukan pemeriksaan di semua pintu masuk, terutama di Sabah bagi memastikan tidak ada pendatang membolosi sempadan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata walaupun rumit mengawal keadaan itu, berdasarkan pengalaman, kerajaan yakin ia dapat menyekat kemasukan `pelarian perang palsu' yang mungkin menyusup ke negara ini.

"Kita yakin keadaan dapat dikawal melalui keupayaan dan kecekapan anggota keselamatan yang bertugas di kawasan terbabit," katanya dimajlis Mesra Bersama Polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Balik Pulau, dekat sini, hari ini.

Sejak kerajaan Filipina menggembur tempat persembunyian kumpulan Abu Sayyaf di selatan Filipina Sabtu minggu lalu, timbul risiko penduduk pulau berkenaan menyusup ke negara ini sebagai pelarian perang.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan Filipina akan dianggap pelarian perang.

Dr Mahathir berkata, mereka juga akan ditempatkan di kawasan khas dan dilarang keluar kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

Zainal Abidin berkata, walaupun kerajaan menyediakan kawasan khusus kepada pelarian perang, tidak bermakna semua warga Filipina yang mengaku sebagai pelarian perang akan diterima dengan mudah.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, kementerianya akan memastikan semua anggota polis mempunyai kediaman sempurna selain terjamin keselamatan keluarga masing-masing.

Katanya, sasaran membina sekurang-kurangnya 90 peratus kediaman anggota polis di seluruh negara dijangka dicapai apabila semua projek pembinaan kediaman berkenaan dilaksanakan sepenuhnya.

(END)